

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan di antara 8 juta pendaftaran perniagaan, berapa pemilik yang mempunyai daftar perniagaan melebihi satu perniagaan dan seterusnya setiap tambahan satu perniagaan sehingga pemilik yang mempunyai lebih daripada 10 daftar perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, sejumlah **1,159,157** pemilik mempunyai 2 perniagaan yang didaftarkan dan **156,255** pemilik mempunyai 2 pendaftaran perniagaan yang aktif. Selain itu, **497,260** individu memiliki 3 perniagaan yang didaftarkan, **237,445** individu dengan pendaftaran 4 perniagaan dan **120,361** individu merekodkan pemilikan 5 perniagaan.

Seterusnya **64,925** individu memiliki 6 perniagaan, **41,340** individu memiliki 7 perniagaan dan **23,691** individu lagi dengan pemilikan 8 perniagaan. Manakala seramai **13,776** individu merekodkan pemilikan 9 perniagaan, **8,546** individu memiliki 10 perniagaan serta **15,786** individu memiliki lebih daripada 10 perniagaan.

Berdasarkan rekod SSM sehingga 30 September 2021, sebanyak **8,189,396** perniagaan telah didaftarkan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak **1,712,751** perniagaan adalah aktif.

Jadual 1: Jumlah pemilikan perniagaan sehingga 30 September 2021

Pemilikan Perniagaan	Jumlah	Pemilikan Perniagaan Aktif	Jumlah
1 perniagaan	3,442,102	1 perniagaan	1,575,043
2 perniagaan	1,159,157	2 perniagaan	156,255
3 perniagaan	497,260	3 perniagaan	26,577
4 perniagaan	237,445	4 perniagaan	6,097
5 perniagaan	120,361	5 perniagaan	1,917
6 perniagaan	64,925	6 perniagaan	791
7 perniagaan	41,340	7 perniagaan	356
8 perniagaan	23,691	8 perniagaan	180
9 perniagaan	13,776	9 perniagaan	91
10 perniagaan	8,546	10 perniagaan	83
Lebih daripada 10 perniagaan	15,786	Lebih daripada 10 perniagaan	211

Sekian, terima kasih.